

Ruj.Kami : ANM.PK.P/P.600-1/1/2 JLD.3(94)
Tarikh : 13 Disember 2019

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

TINDAKAN INPUT PERUBAHAN GAJI BAGI BULAN JANUARI 2020

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa **PTJ dibenarkan kunci masuk perubahan gaji melalui Sistem HCM bagi Perubahan Gaji bulan Januari 2020 mulai 16.12.2019 (Isnin) hingga 20.12.2019(Jumaat).**

3. Tindakan-tindakan yang dibenarkan untuk dikunci masuk pada tempoh tersebut adalah seperti berikut:

TINDAKAN	KETERANGAN
a) Tindakan Penamatan bagi pegawai yang meninggal dunia dan bersara	<p>i. PTJ hanya dibenarkan kunci masuk tarikh bersara 01.01.2020 sahaja.</p> <p>ii. Bagi pegawai yang bersara selain dari tarikh 01.01.2020 iaitu kiraan gaji dan elaun adalah secara <i>proportionate</i>, PTJ perlu melakukan tindakan penamatan di sistem HCM dengan mengunci masuk tarikh 01.01.2020. Pembayaran gaji dan elaun bagi pegawai tersebut sehingga tarikh bersara hendaklah dibayar secara Arahan Pembayaran iGFMAS pada bulan Januari 2020.</p> <p>Contoh: Pegawai bersara wajib mulai 15.01.2020</p> <p>Tindakan yang perlu diambil oleh PTJ:</p> <ul style="list-style-type: none">• Membuat penamatan di sistem HCM mulai tarikh 01.01.2020.• Membayar gaji dan elaun-elaun bagi tempoh 01.01.2020 hingga 14.01.2020 melalui Arahan Pembayaran iGFMAS pada bulan Januari 2020.• PTJ hendaklah melampirkan Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8- Pin. 10/96) yang asal bersama-sama baucar bayaran dan salinan Kew. 8 yang telah disahkan dilampirkan bersama-sama Borang Perubahan Gaji Kew 320 (SG20) sebagai dokumen sokongan.

b) Tindakan Perubahan tidak aktif bagi pegawai yang bercuti tanpa gaji atau keluar sistem sementara	i. PTJ hanya dibenarkan kunci masuk pada tarikh mula 01.01.2020 sahaja.
---	---

4. Segala kerjasama pihak tuan dalam mematuhi arahan ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**PENGARAH
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**